

15/04/1998

Zaman berubah, maklumat melimpah

Web Sutera

TEKNOLOGI adalah aspek penghasilan sains yang sifatnya memudahkan sesuatu. Teknologi yang dihasilkan dengan niat yang betul dan digunakan dengan sewajarnya boleh mensejahterakan hidup manusia.

Jika diambil contoh kemunculan televisyen dan pemain video, buat permulaan masyarakat kita tidak dapat menerima kehadirannya dan bermacam ketakutan yang timbul.

Akhirnya set televisyen menjadi suatu keperluan penting di setiap rumah, hatta di ceruk kampung terpencil sekalipun. Memang ada buruknya televisyen dan video jika diterima tanpa ilmu.

Setiap kali munculnya teknologi terbaru, tidak dinafikan berlakunya keadaan yang drastik dan tidak menyenangkan di kalangan orang awam. Pelbagai maklum balas diterima. Tidak kurang juga polemik yang dinatijahkan bersama perkembangan teknologi tersebut oleh masyarakat.

Dalam aspek teknologi maklumat (IT), teknologi di sini dilihat sebagai alat untuk mengumpul, menyimpan, memproses, menyebarkan dan menggunakan maklumat. Aspek aplikasi IT bersifat dinamik dan merentas budaya.

Salah satu perkembangan IT yang paling pesat berkembang ialah Internet yang merangkumi hampir semua teknologi dalam IT, seperti komputer, telekomunikasi, lebar jalur, satelit, multimedia, audio dan video digital, grafik komputer, rangkaian, pensuisan sistem telefon, dan storan penyimpanan maklumat.

Gelombang populariti Internet merupakan perkembangan paling penting dalam industri komputer sejak komputer peribadi (PC) IBM dilancarkan pada tahun 1981. Seperti mana PC, Internet seolah-olah suatu gelombang besar.

Jika demikian keadaannya, maka teknologi Internet hampir pasti "menyapu" industri komputer dan industri lainnya seandainya kita tidak mengendahkan kewujudannya.

Aspek yang banyak mengundang polemik ialah aspek kandungan maklumat dalam Internet. IT dan Internet yang menggabungkan teknologi yang dinyatakan di atas memberi kesan besar dan amat menakjubkan kepada hidup manusia.

Kesan ini tidak saja menyentuh aspek ilmu dan pendidikan, tetapi turut merentasi aspek ekonomi, politik, sosio budaya serta sistem nilai manusia sejagat.

Dari perspektif yang mudah difahami, kecanggihan teknologi seperti Internet ibarat pengangkutan, ia tidak akan memberi manfaat kepada masyarakat sekiranya yang diangkut itu ialah barangan dengan nilai rendah atau boleh memudaratkan. Alat pengangkutan itu dilihat sebagai penting, tetapi yang lebih utama ialah maklumat.

Sekiranya maklumat yang dibawa itu ialah maklumat bermutu dan bermanfaat, pengguna terakhir maklumat tersebut sudah pasti akan mendapat keberuntungan besar.

Dalam masa yang sama, maklumat yang mempunyai nilai tinggi dan bermanfaat tanpa saluran pengangkutan terkini, mengakibatkan maklumat tidak akan sampai dengan cepat dan berkesan kepada penggunanya.

Oleh itu teknologi Internet dan maklumat harus dilihat dalam keadaan bersepadu. Tidak harus timbul rasa ghairah atau kagum tentang kecanggihan teknologinya, sedangkan mutu maklumat diabaikan. Dalam konteks pembangunan sahsiah insan, IT dan Internet hanya sebagai alat, bukannya matlamat.

Matlamat penggunaan IT dan Internet ialah memanfaatkannya bagi memperoleh serta menjadikan diri kita insan bermaklumat, sekaligus berilmu

dengan maklumat yang benar. Seterusnya maklumat mampu membentuk minda yang sihat dan membentuk budaya ilmu dalam masyarakat.

Internet menawarkan peluang yang seluas-luasnya kepada sesiapa yang ingin meneroka dan menguasai ruang siber, menyebarkan maklumat dan pendapat tanpa had, mengalami dan mencipta pengalaman baru, memperkukuhkan keintelektualan, dan memperoleh kemahiran terkini.

Memetik ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Jangan rosakkan minda dan moral rakyat dengan bahan negatif hasil kerosakan moral pihak barat", memang tidak dinafikan terdapat unsur negatif dalam Internet. Tetapi dalam Internet, bahan paling banyak ialah maklumat yang berguna.

Di samping itu, teknologi berkaitan seperti multimedia, turut mengalami perkembangan pesat. Gabungan Internet dan multimedia menyediakan ruang penciptaan aplikasi yang amat banyak untuk diterokai.

Kemajuan teknologi Internet di seluruh dunia mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan kita. Kepesatan pembangunannya kadang kala menggusarkan, terutama bagi yang kurang mampu untuk bergerak maju selaras dengan perkembangan zaman.

Walau bagaimanapun, keadaan ini bukanlah alasan kita tidak turut mempersiapkan diri dengan bekalan ilmu pengetahuan baru yang memainkan peranan besar dalam pembangunan negara. Keengganan atau ketidakprihatinan kita terhadap IT dan Internet akan merugikan kita dan negara.

Seperti yang kita ketahui, melalui Internet jugalah pengguna terdedah kepada maklumat yang mengandungi unsur lucah, baik dari segi gambar mahupun penjelasan tentang hal berkaitan dengan perlakuan seksual. Harus kita sedari bahawa komputer, IT, dan Internet ada kelemahan tersendiri.

Kata orang, kesempurnaan bukan milik manusia, apatah lagi Internet. Sebab itulah pihak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan menyekat bahan negatif dalam Internet, seperti menyekat pencapaian ke halaman tertentu.

Dalam masa yang sama, kesedaran mengenai keburukan bahan tersebut sentiasa dihebahkan kepada orang ramai. Tetapi setakat mana pihak bertanggungjawab dapat menyekat unsur sedemikian. Akhirnya pengguna juga harus menentukan ke mana hendak dituju apabila mencapai Internet.

Ibarat analogi sebuah lebuh raya yang kita lalui sepanjang perjalanan kita menuju ke sesuatu tempat. Di sepanjang perjalanan banyak perhentian yang kita lalui; termasuk surau, tempat rehat, disko, dan pub. Hentian mana yang kita hendak singgahi? Begitu juga dengan Internet.

Dalam perjalanan mencari maklumat di ruang siber tersebut, terdapat banyak lokasi atau halaman web sepanjang lebuh raya maklumat. Maklumat seperti mana yang ingin diakses, baik atau buruk. Sebenarnya bergantung kepada setiap individu. Tepuk dada, tanya iman.

Tidak bermakna kita harus menolak Internet oleh kerana ada unsur keburukan seperti bahan lucah, ajaran sesat, unsur orientalis, dan propaganda jahat. Faktor daya saring bertunjangkan kekuatan ilmu dan sistem nilai sewajarnya menjadi faktor terbaik menghadapi pengaruh maklumat tersebut.

Hal ini dibangkitkan bagi menginsafi pentingnya masyarakat kita memanfaatkan IT/Internet secara positif supaya bukan saja kita jadi masyarakat bermaklumat, malah dalam masa yang sama membangunkan kandungan maklumat berasaskan acuan kita sendiri.

Dengan pengetahuan dan ilmu, kita boleh menggunakan Internet bagi kepentingan masyarakat serta menyebarkan luaskan nilai budaya murni yang menjadi pegangan kita.

Bagi umat Islam, pengetahuan mendalam teknologi Internet akan dapat menjadi saluran bagi menangkis salah tanggapan masyarakat dunia terhadap Islam dan menjadi benteng pertahanan menjawab semua hasutan orientalis barat. Kalau masyarakat kita tidak menggunakannya, ia akan digunakan oleh

pihak lain untuk menyerang serta memusnahkan kita.

Adakah anda tahu bahawa teknologi yang menyeronokkan ini membuka banyak bidang aplikasi penggunaan yang merangkumi semua bidang pekerjaan dan kehidupan.

Teknologi sampingan yang turut berkembang bagi memudahkan lagi kewujudan dan pengaksesan Internet termasuk rangkaian, multimedia, pemprosesan maklumat, persidangan video, komunikasi data, perkakasan komputer, pemproses, pembangunan perisian, kad pintar, dan sebagainya.

Bidang penggunaannya pula makin luas dan menjanjikan kemudahan serta keseronokan.

Penggunaan Internet, termasuk perdagangan elektronik, perkhidmatan dalam talian, pengiklanan, pemasaran dan promosi, penyediaan kandungan, perbankan elektronik, kerajaan elektronik, kerajaan tanpa kertas, pejabat maya, aplikasi multimedia, sekolah bestari, komunikasi mel elektronik, urus niaga dalam talian, teleperubatan dan pelbagai lagi yang telah dilaksanakan serta yang akan muncul.

Semua bidang teknologi dan aplikasi di atas boleh dirangkum kepada suatu istilah, iaitu ekonomi digital. Maksudnya bidang penggunaan tersebut merupakan unsur yang boleh didapati apabila ekonomi digital dilaksanakan sepenuhnya di abad ke-21.

Walaupun demikian, sudah banyak pihak telah menceburi penggunaan teknologi Internet ini, termasuk Malaysia yang sudah berada dalam peringkat perancangan dan mencari sumber kepakaran bagi mengendalikan semua yang dirancangan.

Sesungguhnya amat tidak patut jika masyarakat umum memandang Internet sebagai teknologi yang tidak perlu diambil tahu. Ubahkan tanggapan anda dan bersedia menerima kehadiran teknologi ini dengan penuh kesedaran.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, perkembangan teknologi sentiasa dibayangi faktor kebaikan dan keburukan. Bukan itu saja, pihak dunia perniagaan juga turut menerima kesan dengan mengalami perubahan mengejut dalam pelaksanaan operasi kerja.

Namun begitu, seperti mana masyarakat umum, mereka tidak dapat mengelak daripada menerima kehadiran IT dan Internet dalam kehidupan. Lambat dan cepat penerimaan kitalah yang menentukan survival negara dan rakyat.

Mulakan langkah belajar dan mencari maklumat berkenaan IT dan Internet dalam pelbagai saluran, sama ada buku, surat khabar, majalah, radio, TV, ataupun Internet itu sendiri. Selamat maju jaya.

Jumpa lagi.

Web Sutera

(END)